

Nelayan raih hasil berganda

Hasil pendaratan ikan meningkat sejak seminggu lalu susulan cuaca semakin baik

MOHD AZLIM ZAINURY

KUALA NERUS

Pantai Kampung Tok Jembal tiba-tiba luar biasa meriahnya apabila gerai sederet menjual pelbagai spesies ikan segar sudah mula berpenghuni dan dipenuhi orang ramai.

Suasana bagaikan 'pesta' itu apabila jumlah hasil tangkapan nelayan pantai di kawasan tersebut meningkat sejak seminggu lalu susulan perubahan keadaan cuaca dan laut yang semakin baik.

Tinjauan Sinar Harian mendapati nelayan kini mampu meraih pendapatan lumayan apabila hasil pendaratan ikan pelbagai



Awang dan rakan memperoleh hasil tangkapan lumayan sejak minggu lalu.

jenis antaranya kembung, parang, kerisi termasuk ketam meningkat.

Kebiasaannya nelayan khususnya pesisir pantai dapat meningkatkan hasil pendapatan masa ini sejak seminggu lalu susulan cuaca semakin baik.

in' di kawasan pesisiran pantai kini semakin banyak di kawasan berkenaan.

Bagi Awang Alwi, 46, yang merupakan nelayan sepenuh masa dari Pengkalan Maras berkata, beliau memperoleh antara

180 hingga 200 kilogram hidupan laut itu ketika turun ke laut minggu lalu.

"Tapi dalam minggu ini, baharu dua hari turun ke laut, ikan kurang sedikit dan tangkapan ikan banyak diperoleh minggu ini

ialah ikan kembung," katanya ketika ditemui di Pantai Tok Jembal, di sini.

Sementara itu, seorang pembeli, Abdul Rahman Ali, 51, dari Gong Badak berkata, beliau kerap ke pusat jualan ikan segar di pantai berkenaan untuk membeli pelbagai jenis ikan segar pada waktu pagi.

Menurutnya, ikan bukan sahaja segar tetapi harganya jauh lebih murah berbanding di pasar awam dan lebih seronok apabila ada jenis ikan yang jarang dilihat dijual pada harga RM1 seekor sahaja.

Suasana di pantai berkenaan bertambah meriah pada musim cuti persekolahan dengan kehadiran kumpulan remaja atau pelajar membantu ibu bapa mereka keluar ke laut dan menjual hasil tangkapan.

Peraih ikan turut kelihatan menunggu di pantai untuk memborong ikan segar daripada nelayan dan suasana ini boleh dilihat sekitar jam 10 hingga 11 pagi setiap hari kecuali Jumaat.